

**PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI (MPK)
PERAKAUNAN AWALAN (P1105) BAGI PELAJAR SEMESTER 1 DIPLOMA
AKAUNTANSI DAN PEMASARAN DI POLITEKNIK**

SHARMILI BTE MOHAMED RAFI

Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2003

Khas buat Arwah Ayahanda Allahyarham En. Mohd Rafi Bin Abdullah

dan Bonda yang dikasihi dan disayangi

dan Puan Mehroon Abdul Ghaffur

Segala pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan amatku harga

Teristimewa buat abang tersayang

En Shahul

Kerana telah memberikan sepenuh perhatian dan sokongan

Kakak, Abang Ipar dan Anak Buah tersayang

Didi, Bajjan, Sameer, Sazmeer dan Krisha

Terima kasih di atas sokongan yang diberikan

Buat Teman Istimewa

Banu, Shahul, Kamal dan Umesh

Muni menyayangi kalian dan jadilah orang yang berguna!

Serta Rakan Seperjuangan yang memberikan sokongan

Kak Tie, Anum, Ani dan Zu

Kalian sentiasa dalam ingatan.



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

PENGHARGAAN

Sebagai tanda penghargaan daripada penulis kepada pihak-pihak yang terlibat, jutaan terima kasih diucapkan atas sokongan dan tunjuk ajar dalam menjayakan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Mohd Izam Bin Ghazali, selaku penyelia projek sarjana di atas segala tunjuk ajar dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Tidak lupa juga kepada pihak Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) dan Politeknik Shah Alam (PSA) di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada responden yang sudi meluangkan masa menjawab borang soal selidik dengan penuh keikhlasan dan bersungguh-sungguh. Juga tidak dilupakan kepada rakan-rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbangkan idea dan pandangan demi menjayakan penyelidikan ini.

Semoga hasil penyelidikan yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Inshaallah.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membina dan mengkaji kesesuaian Modul Perakaunan Awalan (P1105) bagi topik Pelarasan Dan Pembetulan Kesilapan yang telah dihasilkan berdasarkan pengkajian Topik Sukar bagi pelajar yang mengikuti pengajian Diploma Pemasaran Semester 1 (DPR1) dan Diploma Akauntansi Semester 1 (DAT1) di politeknik – politeknik Malaysia. Antara aspek yang dikaji ialah untuk menilai sama ada modul yang dihasilkan mengandungi ciri-ciri modul yang berkesan darisegi rekabentuk modul dan mesra pengguna, serta dapat memenuhi keperluan dan kehendak pelajar. Kajian ini dilakukan ke atas 121 orang pelajar Semester 1 yang mengikuti pengajian diploma dan 9 orang pensyarah yang mengajar subjek Perakaunan Awalan (P1105) di Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS). Skor min bagi persoalan pertama dan persoalan kedua hasil analisis pensyarah dan pelajar yang membincangkan ciri –ciri modul darisegi rekabentuk dan mesra pengguna ialah 3.89 iaitu berada pada tahap baik. Manakala persoalan kajian ketiga membincangkan mengenai kategori modul memenuhi keperluan dan kehendak pengguna ialah 3.94 menunjukkan modul ini amat diperlukan oleh pelajar di dalam proses P & P. Secara keseluruhan keputusan yang dihasilkan bagi ketiga –tiga persoalan berada di tahap setuju dan baik. Di akhir bab ini beberapa pandangan telah dikemukakan bagi meningkatkan mutu dan kualiti MPK yang dihasilkan.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	SECANGKIR BUDI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN ISTILAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi



PTMA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	2
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Persoalan Kajian	4
1.6	Skop Kajian	5
1.7	Kepentingan Kajian	6
1.8	Definisi Operasi	7
1.9	Andaian	9
1.10	Limitasi Kajian	9

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan	10
2.1	Perakaunan	10
2.2	Modul Pembelajaran Kendiri	11
2.3	Komponen Modul Pembelajaran	13
2.4	Kaedah Pembelajaran Bermodul	15
2.5	Langkah-Langkah Untuk Menghasilkan modul	17
2.6	Panduan Menulis Modul	
	2.6.1 Pengenalan	18
	2.6.2 Persembahan	18
2.7	Prinsip – Prinsip Pedagogi Dalam Pembinaan MPK	21
	2.7.1 Beberapa Pendekatan Pedagogi Bagi Meningkatkan Keberkesanan MPK.	25
	2.7.2 Faktor pemilihan pendekatan visual dan audio visual ini ialah untuk :	27

2.7.3	Jenis-Jenis Grafik Dan Ilustrasi	29
2.8	Kelebihan Pembelajaran Berdasarkan Modul.	31
2.9	Prinsip – Prinsip Pembelajaran	33
2.10	Kesimpulan	39

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	40
3.2	Rekabentuk Kajian	42
3.3	Responden / Sumber Data	43
3.4	Ujian-Ujian Yang Telah Dijalankan	
3.4.1	Ujian Pra	45
3.4.2	Kajian Rintis	45
3.5	Instrumentasi	46
3.6	Kaedah Analisis Data	
3.6.1	Penganalisaan Skor Min	53
3.6.2	Korelasi Pearsons	54

BAB IV REKA BENTUK MODUL DAN PENILAIAN PRODUK

4.1	Pengenalan	56
4.2	Latar Belakang	56
4.3	Reka Bentuk Modul	
4.3.1	Implikasi Dan Penilaian	58
4.4	Ciri Modul	
4.4.1	Kelebihan Modul	59
4.4.2	Batasan Modul	59
4.4.3	Masalah Penghasilan Modul	59

4.5	Komponen Garis Kasar Kandungan Modul	
4.5.1	Faedah Penyediaan Garis Kasar Modul	60
4.5.2	Individu Yang Terlibat Dalam Pembangunan Kandungan	60
4.5.3	Komponen Kandungan Modul	60
4.6	Panduan Menggunakan Modul	64
4.7	Kesimpulan	65

BAB V ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	66
5.2	Analisis Responden (Pensyarah & Pelajar)	67
5.3	Analisis Topik Sukar	67
5.4	Analisis Skor Min & Peratus Responden	
5.4.1	Analisis Skor Min & Peratus Pensyarah Politeknik PSA, Polimas dan Polisas	68
5.4.2	Analisis Skor Min & Peratus Pelajar Politeknik PSA, Polimas dan Polisas	77
5.5	Analisis Soalan Terbuka	
5.5.1	Pensyarah	87
5.5.2	Pelajar	89
5.6	Analisis Hubungan Interpersonal	
5.6.1	Hubungan Korelasi Dua Pembolehubah Menggunakan Korelasi Pearson	90



BAB VI PERBINCANGAN , CADANGAN & KESIMPULAN

6.1	Pengenalan	93
6.2	Rumusan Dapatan Kajian	
6.2.1	MPK Berdasarkan Ciri –Ciri Modul Berkesan Berdasarkan Pensyarah & Pelajar	94
6.2.2	MPK Mesra Pengguna Berdasarkan Pensyarah dan Pelajar	95
6.2.3	MPK Memenuhi Keperluan Dan Kehendak Pengguna Berdasarkan Pensyarah & Pelajar	96
6.2.4	Hubungan Korelasi Dua Pembolehubah	97
6.3	Cadangan	97
6.4	Kesimpulan	99
6.5	Penutup	101

BIBLIOGRAFI

102

LAMPIRAN

108



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Senarai responden.	44
3.2	Jadual skala likert lima mata.	48
3.3	Soalan – soalan penilaian dalam borang soal selidik mengenai kategori rekabentuk modul.	49
3.4	Soalan – soalan penilaian dalam borang soal selidik mengenai kategori mesra pengguna.	50
3.5	Soalan – soalan penilaian dalam borang soal selidik mengenai kategori memenuhi keperluan dan kehendak pelajar.	51
3.6	Soalan – soalan pendapat dan pandangan terbuka pelajar dan pensyarah	52
3.7	Skor min bagi rekabentuk modul	53
3.8	Penafsiran min yang diubahsuai dari Lendall K (1997) dalam Harulnizam (2002).	54
3.9	Indeks Davis (1971)	55
5.1	Item – item analisis bahagian I – pensyarah	69
5.2	Item – item analisis bahagian II – pensyarah	73
5.3	Item – item analisis bahagian III – pensyarah	75
5.4	Item – item analisis bahagian I – pelajar	78
5.5	Item – item analisis bahagian II – pelajar	82

5.6	Item –item analisis bahagian III – pelajar	84
5.7	Jadual skor min hubungan	90
5.8	Hubungan Korelasi Menggunakan Korelasi Pearsons	91
6.1	Min keseluruhan setiap bahagian bagi pensyarah dan Pelajar	94



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kronologi kajian	42
3.2	Pembahagian sampel bagi setiap politeknik	44
4.1	Kronologi penyediaan modul yang telah diubahsuai menurut Knult Holt (1984).	57
5.1	Penentuan hubungan pembolehubah melalui Scatter Plot	92



SENARAI SINGKATAN

ABBM	Alat bantu mengajar
DPR 1	Diploma Pemasaran Semester 1
DAT 1	Diploma Akauntansi Semester 1
Ho	Ialah Hipotesis yang mengatakan bahawa kedua-dua pembolehubah iaitu reka bentuk modul dan keperluan serta kehendak pengguna tidak mempunyai hubungan.
MPK	Modul pembelajaran sendiri
P & P	Pengajaran Dan Pembelajaran
PSA	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
POLISAS	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
POLIMAS	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Pengelasan Topik sukar	108
B	Soal Selidik Bagi Pensyarah	111
C	Soal Selidik Pelajar	116
D	Output SPSS	121
E	Modul Pembelajaran Kendiri	144



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan beberapa tajuk kecil iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, andaian kajian dan definisi operasi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Terdapat pelbagai jenis alat bantu mengajar (ABBM) yang dihasilkan oleh pensyarah atau sesebuah institusi untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (P & P). ABBM yang sesuai dapat memenuhi keperluan, tahap dan gaya kognitif yang berbeza di kalangan pelajar (Supyan Hussin, 2000 yang dipetik dari Khairul Azman, 2001). ABBM yang berkesan membantu pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran (P & P) sesuatu topik di mana pemilihannya dibuat berdasarkan beberapa kriteria iaitu bilangan pelajar, jenis pelajaran, kualiti bahan dan merangkumi jenis rangsangan, pengalaman dan persekitaran (Sharifah Alwiyah, 1986). Beberapa contoh ABBM yang dimaksudkan ialah CD interaktif, manual, buku teks,

modul dan sebagainya yang berkaitan dengan proses pembelajaran (Khairul Azman, 2001).

1.3 Pernyataan Masalah

Di politeknik terdapat pelbagai nota edaran dan buku teks yang disediakan atau diperolehi bagi mata pelajaran Perakaunan Awalan (P1105). Bagi mata pelajaran Perakaunan Awalan (P1105) ini, Buku Perakaunan Perniagaan I dan II yang ditulis oleh Frank Wood adalah sumber utama pembelajaran. Buku ini dilihat mempunyai struktur penyampaian yang padat, penerangan yang lengkap dan jelas di samping mengandungi contoh-contoh latihan pengiraan bagi sesuatu sub topik pelajaran.

Penyediaan buku teks perlu mengandungi pernyataan objektif pembelajaran, mempunyai abstrak pembelajaran dan distruktur berdasarkan sukatan pelajaran bertujuan membantu pelajar memahami apa yang akan dipelajari dan akan dicapai pada akhir proses pembelajaran tersebut. Ini adalah kerana ada kemungkinan buku teks yang disediakan tidak mengambil kira faktor ini.

Selain itu contoh-contoh pengiraan yang diberikan di dalam buku teks seharusnya memudahkan pelajar untuk memahami sesuatu konsep perakaunan. Langkah-langkah penyelesaian masalah perakaunan bermula langkah pertama penyelesaian sehingga proses terakhir pengiraan perlulah distruktur dengan baik. Ini akan meningkatkan lagi tahap kefahaman pelajar dan secara langsung menyebabkan pelajar mengetahui mengapa dan bagaimana jawapan itu diperolehi. Oleh itu kemungkinan pelajar tidak dapat menguasai pelajaran pada hari itu atau berasa sukar memahami topik tersebut dengan jelas.

Kebanyakan buku teks perakaunan yang dirujuk adalah terlalu tebal yang boleh menjadikan pelajar berasa bosan. Ini menyebabkan pelajar, cuba meringkaskan semula

topik pelajaran untuk menguasai topik tersebut. Maka buku teks atau nota edaran yang diberikan kepada pelajar tersebut perlu mempunyai kepelbagaian campuran media contohnya penggunaan grafik, jadual, graf dan sebagainya boleh menarik minat pelajar membacanya. Ini adalah kerana setiap pelajar mempunyai tahap kefahaman yang berbeza. Terdapat cara mentafsir data yang berbeza bagi setiap manusia. Ada yang menggunakan otak kanan dan sebaliknya. Mereka yang menggunakan otak kanan akan lebih memahami sesebuah pembelajaran dengan mengambilkira faktor grafik, jadual, pengiraan, carta dan sebagainya berbanding mereka yang mempunyai otak kiri akan mentafsir data melalui pembacaan fakta.

Selain itu, jika kita lihat dari sudut penyediaan latihan di dalam buku teks perakaunan tidak ada lampiran jawapan yang diberikan. Keadaan ini menyebabkan pelajar mungkin tidak langsung membuat latihan yang terdapat di dalam buku tersebut. Maka mereka akan bergantung sepenuhnya kepada latihan yang diberi oleh pensyarah kecuali tugas yang diberi adalah daripada buku tersebut.

Oleh itu bagi membantu pembelajaran Perakaunan Awalan (P1105), sebuah Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) dengan menggabungkan prinsip-prinsip pedagogi dan ciri-ciri modul untuk menghasilkan proses pembelajaran yang berkesan di kalangan pelajar perlu disediakan. Ini dapat dicapai dengan mengenalpasti topik pelajaran yang sukar difahami. Penghasilan modul berkaitan disediakan berdasarkan topik tersebut. Dengan ini mungkin masalah kefahaman dan penguasaan sesuatu topik yang sukar dapat diatasi. Pembelajaran yang berkesan adalah apabila seseorang pelajar meminati subjek tersebut (konsep afektif). Oleh itu pelbagai latihan sendiri dan contoh-contoh disediakan bagi menguji penguasaan dan pencapaian pelajar di dalam setiap siri modul (konsep kognitif).

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut :

1. Mengenalpasti topik yang sukar difahami pelajar dalam subjek Perakaunan Awalan (P1105).
2. Menyediakan modul pembelajaran yang mengandungi ciri-ciri modul yang berkesan iaitu dari segi reka bentuk.
3. Mengenalpasti sama ada modul yang dihasilkan mesra pengguna.
4. Mengenalpasti sama ada penghasilan modul dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.
5. Mengenalpasti hubungan sama ada modul yang mempunyai ciri-ciri rekabentuk yang berkesan dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna bagi ketiga-tiga politeknik.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab persoalan berikut :

1. Apakah topik yang sukar difahami dan dikuasai oleh pelajar bagi subjek Perakaunan Awalan (P1105) ?
2. Sejauhmanakah modul pembelajaran mengandungi ciri-ciri modul yang berkesan iaitu dari segi reka bentuk ?

3. Sejauhmanakah modul pembelajaran yang dihasilkan adalah mesra pengguna ?
4. Sejauhmana penghasilan modul dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna ?
5. Adakah modul yang mempunyai ciri-ciri rekabentuk yang berkesan dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna bagi ketiga-tiga politeknik yang dikaji ?

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di tiga buah politeknik iaitu Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS), Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor (PSA). Responden kajian terdiri daripada pensyarah dan pelajar Diploma Akauntansi Semester 1 (DAT1) dan Diploma Pemasaran Semester 1 (DPR1) bagi subjek Perakaunan Awalan (P1105). Malah seramai lapan orang Pelajar Sarjana Pendidikan KUiTTHO turut dilibatkan di dalam kajian rintis.



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI AMINAH

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini terbahagi kepada :

1. Pensyarah

Modul yang dihasilkan boleh juga digunakan oleh pensyarah dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) . Ini adalah untuk melancarkan proses pembelajaran berpusatkan pelajar secara dua hala di dalam kelas. Pensyarah tidak perlu menyediakan latihan dan contoh tambahan kepada pelajar malah boleh menggunakan modul yang disediakan pada bila – bila masa ketika perbincangan mengenai topik tersebut dilakukan.

2. Pelajar

Pelajar boleh merujuk modul sebagai sumber utama bagi mengukuhkan kefahaman dan penguasaan topik pembelajaran dan menjadikan nota-nota lain sebagai rujukan tambahan. Modul yang disediakan berdasarkan sukatan pelajaran dan menggabungkan prinsip-prinsip pedagogi memudahkan pelajar mengulangkaji semasa peperiksaan contohnya bab pengiraan disediakan dengan soalan dan jawapan diikuti dengan langkah-langkah permulaan sehingga penyelesaian terakhir latihan. Ini akan meningkatkan kefahaman pelajar mengenai topik yang sukar difahami. Selain itu, sebarang masalah dan keraguan mengenai topik pelajaran boleh dibincangkan dengan pensyarah subjek.



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI AMINAH

1.8 Definisi Operasi

1.8.1 Modul

Modul merupakan satu alat pembelajaran spesifik yang direka berdasarkan kriteria tertentu dan digunakan oleh guru atau pelajar sebagai rujukan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Modul juga dianggap sebagai '*remedial modules*' iaitu satu bahan pemulihan yang membantu pelajar memahami dengan lebih terperinci sesuatu proses / subjek pembelajaran contohnya aplikasi pengiraan yang sukar difahami di mana penyediaan soalan diikuti dengan jawapan (Meyer, 1988).

The Concise Oxford Dictionary of Current English (1995) mendefinisikan modul dalam pendidikan adalah

“ a unit of period in training of education”

Menurut Kamus Dewan (1994) pula mendefinisikan modul sebagai satu kursus pelajaran (latihan) yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran (Noresah, 2000).

Wiles et.al (1998) mendefinisikan modul sebagai

“ an instructional package that includes a planned series of learning experiences design to help the student matter learning objectives”

Berdasarkan kata-kata di atas penulis merumuskan modul merupakan satu pakej pengajaran sendiri yang dirancang secara bersiri untuk menolong para pelajar lebih memahami sesuatu pembelajaran dengan mudah dan teratur.

1.8.2 Alat Bantu Mengajar

Alat bantu mengajar (ABBM) yang dimaksudkan adalah instrumen pendukung kegiatan belajar pelajar berupa handout, lembaran pengajaran, modul dan sebagainya (Sharifah Alwiyah, 1986). Dalam kajian ini, ABBM yang dimaksudkan ialah modul.

1.8.3 Perakaunan

Perakaunan ditakrifkan sebagai

“the recording, classifying, summarizing and interpreting of those business activities that can be expressed in monetary terms. The term accounting also refers to the principles that underlie the process accountancy is sometimes used as an alternate expression, especially for the practice of accounting.”

(Sandra Cosnett, 1997)

Hongren et. al (1998) mendefinisikan perakaunan sebagai satu sistem maklumat yang mengukur aktiviti perniagaan, memproses maklumat ke dalam bentuk laporan dan menyampaikan hasil keputusan kepada pembuat keputusan (Che Zuriana et.al, 2001). Dalam konteks kajian, modul yang dibangunkan terdiri daripada subjek perakaunan.

1.8.4 Ciri-Ciri Modul

Dalam konteks kajian, ciri-ciri yang perlu diikuti dalam penghasilan sesebuah modul yang diperolehi berdasarkan gabungan idea daripada teori pembelajaran. (Meyer, 1988).

1.8.5 Prinsip Pedagogi

Dalam konteks kajian ini, prinsip-prinsip yang dihasilkan daripada pedagogi dalam pembinaan modul merangkumi pernyataan objektif pembelajaran, penggunaan media pelbagai (rajah, graf, jadual), susunan langkah-langkah penyampaian, penyediaan soalan diikuti jawapan dan sebagainya yang berkaitan dengan pedagogi (Sharifah Alwiyah, 1986).

1.9 Andaian

Dalam kajian, beberapa andaian telah dibuat

1. Sampel mewakili populasi.
2. Segala persoalan dijawab dengan jujur dan ikhlas.

1.10 Limitasi Kajian

Kajian hanya difokuskan kepada pembentukan modul bagi topik yang sukar difahami oleh pelajar dalam subjek Perakaunan Awalan (P1105) sahaja. Cadangan kepada pengkaji lain bahawa menyediakan modul bagi keseluruhan subjek.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tafsiran perakaunan, konsep modul pembelajaran sendiri (MPK), ciri-ciri modul pembelajaran sendiri, kaedah pembelajaran bermodul, langkah-langkah untuk menghasilkan modul, panduan menulis modul, prinsip-prinsip pedagogi, kelebihan pembelajaran bermodul dan prinsip – prinsip pembelajaran.

2.1 Perakaunan

Maklumat kewangan merupakan satu faktor yang sangat penting kepada pengurusan ekonomi negara. Oleh sebab itu, pengurusan sistem kewangan yang teratur dijalankan dari semasa ke semasa untuk mengelakkan pembaziran dan menggalakkan penyimpanan wang yang sistematik. Rekod-rekod kewangan adalah pelbagai dan perlu disimpan dengan baik kerana apabila urusan yang dijalankan bertambah banyak maka pengurusan yang dilibatkan adalah lebih rumit. Para akauntan yang dilatih dan bertauliah akan menguruskan sistem kewangan sesebuah organisasi untuk menjadi lancar. Oleh itu mereka memerlukan pengetahuan yang tinggi di dalam perakaunan

BIBLIOGRAFI

Alreck, P. L & Settle, R. B. (1995). *The survey research handbook: Guidelines and strategies for conducting a survey*. Second Edition. McGraw Hill. United States, Amerika.

Anung Horyono (2002). *Self-learning materials (module): The concept and format*. Diorganisasikan oleh SEAMEO Regional Open Learning Center (SEAMEO SEAMOLEC), Jakarta, Indonesia dan Sekolah Pendidikan Jarak Jauh, University Sains Malaysia (USM), Penang, Malaysia.

Bardai Barjoyai (1982). *Prinsip dan amalan perakaunan awalan 1st Ed*. Pustaka Johami.

Blackmore, J. (1996). *Learning Style*. Dipetik pada 27 December 2002 dari laman web <http://granite.cyg.net/~jblackmo/diglib/styl-a.html#Introduction>.

Che Zuriana Mohamad Jamil (2002). *Perakaunan Perniagaan*. Terbitan Universiti Utara Malaysia.

Ee Ah Meng (1998). *Pedagogi II : Pelaksanaan pengajaran*. Fajar Bakti Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Fraenkil, J. R. & Wallen, N. E. (1993). *How to design and evaluate research in education*. Second Edition. McGraw Hill Inc. United States Amerika.

- Goodrum, D. A., Dorsey, L. T., & Schwen, T. M. (November 1993). *Defining and building an enriched learning and information environment*. *Education Technology*, 23 (11), 10-20.
- Gall, J. P., Gall, M. D. Gall & Borg, W. R. (1999). *Applying educational research: A practical guide. Fourth Edition*. Longman. United States.
- Gilham, B. (2000). *Developing questionnaires*. London. Wellington House.
- Harulnizam Bin Mohamad (2003). *Penggunaan Modul Pembelajaran Elektronik (MPE) Pengenalan Pelancongan H111: Tinjauan Terhadap Pensyarah Dan Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan, Politeknik Johor Bahru: Projek Sarjana*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana. (Tidak Diterbitkan)
- Hashim Yusof (1997). *Media pengajaran untuk pendidikan dan latihan*. Fajar Bakti Sdn Bhd. Shah Alam.
- Hedges, L. E. (1989). " *Helping student develop thinking skills through the problem-solving approach to teaching*". Department of Agricultural Education, The Ohio State University.
- Khairul Azman Mohd Yusof (2001). *Penggunaan modul kejuruteraan jalan raya dalam pengajaran dan pembelajaran: satu kajian di Politeknik Ungku Omar*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn. Tidak Diterbitkan.
- Kandell, K. E. & Kandell, J. E. (1995). " *System analysis design*". New Jersey: Prentice Hall.
- Knut Holt (1983). *Product innovation management*. Second Edition. England: Whitstable.

- Mohamad Amirul.Agam (1998). "*Pembinaan Dan Penilaian Kesesuaian Modul Pengajaran Kendiri Bab Pengukuran Komponen Mata Pelajaran Fizik KBSM Tingkatan IV*". Thesis Sarjana Pendidikan (Fizik) UTM. Tidak Diterbitkan.
- Majid Konting (1994). *Penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Johor: Cetak Ratu Sdn Bhd.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "*Pengenalan kepada analisis data berkomputer SPSS 10.0*". Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Meyer, G. R. (1979). *Modules from design to implementation 2th Edition*. The Colombo Plan Staff College For Technician Education. Manila, Philippines. Dicitak oleh Jon K Printing Co. Inc.
- Nurul Hayati Bt Shamsuri (2002). *Penghasilan dan penilaian modul pengajaran sendiri pengenalan kepada perakaunan: Kajian kes di Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn. Tidak Diterbitkan.
- Nor Hamiza Binti Abu Bakar (2003). *Penghasilan modul pengajaran sendiri mata pelajaran seni reka tekstil bagi tajuk kaedah mencetak*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn. Projek Sarjana. Tidak Diterbitkan.
- Noresah Baharum et al. (2000). "*Kamus Dewan*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Norton, R. E. (1991). *SCID: A competency-based systematic curriculum and instructional development model*. Edisi Pertama. Pusat Pendidikan dan Latihan Bagi Pekerja. Kolej Pendidikan Ohio State University. Columbus.

- Norton, R. E. (1991). *Provide Visual and Audiovisual Aids of Electric Utility Instructor Training Series*. Dibangunkan oleh pusat pendidikan dan latihan untuk pekerja, Ohio State University. Diterbitkan oleh GP Courseware, Tulsa, OK.
- Neuman, W. L. (1997). *Social research method: Qualitative and quantitative approaches. Third Edition*. Ally & Bacon. United States Amerika.
- Piotr Wozniak. (1999). *Effective learning: twenty rules of formulating knowledge*. Yang dipetik pada 27 December 2002 dari laman web
<http://20%20rules%20of%20formulating%20knowledge%20in%20learning.htm>
- Sharifah Alwiyah Alsagoff (1986). "*Teknik Pengajaran*". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff (1986). *Ilmu pendidikan pedagogi*. Diterbitkan oleh Heinemann (Malaysia) Sdn Bhd. Kuala Lumpur. Dicitak oleh Vinlin Press Sdn Bhd.
- Shaharom Nordin (1990). *Buku kerja pengajaran individu*. Fakulti Sains Teknologi Malaysia.
- Shaharom Nordin (1990). *Merekabentuk dan menilai modul pengajaran sendiri (MPK)*. Jurnal Pendidikan Guru 16 Mei 1993
- Siti Zohara (1997). *Persepsi terhadap kompetensi pensyarah dalam pengajaran: Satu Kajian Di Sebuah Maktab Perguruan*. Dipetik pada 15 Ogos 2003 dari laman web :
www.webcastmy.com.my/unimasresearchgateway/thesis/thesis_0010.htm.

Stephens, J. E & Mckinney, L. K. (1983). *Handy referance guide to writing student learning guides*. Department of Postsecondary Vocational, Adult and Community Education & Department of Secondary Education. GE County Public Schools. Orlando. Florida

Simanjuntak. WBP. (2001). *Adult learning*. Diorganisasikan oleh SEAMEO Regional Open Learning Center (SEAMEO SEAMOLEC), Jakarta, Indonesia dan Sekolah Pendidikan Jarak Jauh, University Sains Malaysia (USM), Penang, Malaysia.

Sudirman Siahaan (2002). *Module content outlines development*. Diorganisasikan oleh SEAMEO Regional Open Learning Center (SEAMEO SEAMOLEC), Jakarta, Indonesia dan Sekolah Pendidikan Jarak Jauh, University Sains Malaysia (USM), Penang, Malaysia.

Sudirman Siahaan (2002). *Evaluation of self-learning materials*. Diorganisasikan oleh SEAMEO Regional Open Learning Center (SEAMEO SEAMOLEC), Jakarta, Indonesia dan Sekolah Pendidikan Jarak Jauh, University Sains Malaysia (USM), Penang, Malaysia.

Susila Munusamy & Halimah Awang (2000). *Statistik Untuk Pengurusan*. Edisi Ketujuh. Pearsons Education Malaysia Sdn. Bhd. Prentice Hall.

Sandijaja Siswosumarto (2002). *Graphic and illustration*. Diorganisasikan oleh SEAMEO Regional Open Learning Center (SEAMEO SEAMOLEC), Jakarta, Indonesia dan Sekolah Pendidikan Jarak Jauh, University Sains Malaysia (USM), Penang, Malaysia.

TenBrink, Terry D. (1974). *Evaluation: A Practical Guide to Teachers*. New York: McGraw Hill Book Company.

Warwick, D. (1988). *“Teaching and learning through module”*. England: Basil Blackwell.

Wiersma, W. (1995). *Research method in education*. Boston: Allyn and Bacon.

Wiersma, W. (2000). *Research method in education*. Boston: Allyn and Bacon.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH